



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

NOR PASILA BINTI ISMAIL

(2016317335)

SITI AISYAH BINTI CHE DI

(2016317299)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC – JULAI 2018

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGHARGAAN	1
ABSTRAK	2
SENARAI SINGKATAN	3
RALAT	4
BIODATA PENEMUBUAL	5-6
BIODATA TOKOH	7
PENGENALAN	8-9
KAJIAN LITERATUR	10-14
METODOLOGI	15
TRANSKRIP TEMUBUAL	16-33
LOG TEMUBUAL	34-42
INDEKS	43-45
SENARAI SOALAN	46-47
GLOSARI	48
DIARI PENYELIDIK	49-52
CABARAN DAN HALANGAN	53

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdullilah, bersyukur ke atas llahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah Oral Documentation (IMR 604), Dr. Azree bin Ahmad kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Samsudin bin Abdullah kerana sudi untuk menerima kami di teratak rumah beliau di untuk ditemuramah. Sepanjang sesi pembikinan transkrip ini, pihak beliau telah memberikan sepenuh komitmen mengenai topik yang ingin dikaji oleh kami.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada ibu bapa kami yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu kami dengan dalam membina soalan-soalan dan memberikan sokongan moral kepada kami sepanjang pembuatan kajian ini.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan kajian literatur ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Kisah pengalaman ketika menjalankan tugas Ops Topo di sempadan Malaysia – Thailand telah diceritakan oleh seorang pesara Polis Hutan Malaysia yang telah terlibat secara langsung dengan operasi ini pada tahun 1984. Coretan kisah ini merupakan imbasan kembali pengalaman beliau ketika bertugas di Sungai Petani, Kedah. Pengalaman ini telah diceritakan secara terperinci. Halangan dan kemalangan juga turut dinyatakan dengan jelas. Terdapat peristiwa hitam telah diceritakan. Beberapa latihan telah dinyatakan dengan teliti.

Kata kunci: Polis Hutan Malaysia, Ops Topo, Sempadan Malaysia – Thailand, PPH Sungai Petani, Sempadan Malaysia

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

SENARAI

SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

Ops Topo – Operasi Topografi (Operasi Pemetaan Sempadan)

Ops – Operasi

Heli – Helikopter

PPH – Pasukan Polis Hutan

Thai – Thailand

Kg.- Kampung

IC- Identification Card

RF- Rank and File

SRP- Sijil Rendah Pendidikan

TUDM- Tentera Udara Di Raja Malaysia

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Halaman | 3

RALAT

SENARAI RALAT

Sepanjang menjalankan sesi temu ramah ini, kami dapati terdapat beberapa ralat berlaku iaitu:

1. Bunyi televisyen
2. Bunyi kenderaan lalu lalang
3. Bunyi bertukang
4. Bunyi telefon pintar
5. Sembang antara tokoh dengan isterinya
6. Bunyi burung berkicauan
7. Suara kanak-kanak bermain

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL



NAMA: NOR PASILA BINTI ISMAIL

ALAMAT:

NO. TELEFON:

EMEL:

PROGRAM: IJAZAH PENGURUSAN PERPUSTAKAAN (IM 244)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

BIODATA PENEMUBUAL



NAMA: SITI AISYAH BINTI CHE DI

ALAMAT:

NO. TELEFON:

EMEL:

PROGRAM: IJAZAH PENGURUSAN PERPUSTAKAAN (IM 244)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Dari kiri: Nor Pasila binti Ismail, Encik Samsudin bin Abdullah (tokoh) dan Siti Aisyah binti Che Di

TOKOH

NAMA: SAMSUDIN BIN ABDULLAH

TARIKH LAHIR:

TEMPAT LAHIR:

ALAMAT TERKINI:

NO. TELEFON:

PEKERJAAN: PESARA POLIS

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

PENGENALAN

PENGENALAN

Pengkajian ini adalah mengenai kisah pengalaman pesara Pasukan Polis Hutan (PPH) dari Bridget Utara, Batalion Empat (4) dalam Ops Topo pada tahun 1984 yang melibatkan dua buah negara iaitu Malaysia dan juga Thailand. Ops Topo ini adalah sebuah operasi pemetaan sempadan Malaysia dengan negara Thailand. Operasi ini melibatkan beberapa pihak iaitu pihak polis hutan sendiri, pihak pemetaan Malaysia dan juga wakil dari negara jiran iaitu Thailand. Ops ini adalah secara berperingkat mengikut negeri. Setelah selesai sesebuah negeri, batalion lain akan mengambil alih untuk berunding dengan wakil Thailand. Sepanjang operasi ini, telah terjadi peristiwa yang mengorbankan tiga nyawa. Ops ini telah menarik minat kami untuk menjalankan kajian dan mendokumentasikan pengalaman pesara polis hutan ini. Kami sering mendengar tugas-tugas polis biasa tetapi kurang terdedah dengan skop tugas polis hutan. Oleh itu, kami memilih Encik Samsudin bin Abdullah yang merupakan pesara Pasukan Polis Malaysia (59 tahun) yang berpangkat sebagai koperal. Beliau telah berkhidmat selama 34 tahun di dalam Pasukan Polis Cawangan Sungai Petani.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menyediakan bahan rujukan untuk masyarakat yang ingin mengetahui mengenai Ops Topo ini.
2. Memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa keamanan pada hari ini tidak dikecapi dengan mudah.
3. Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya bertolak ansur dan bermusyawarah dalam setiap pekerjaan.
4. Melengkapkan keperluan bagi subjek 'Oral Documentation' (IMR 604) bagi pelajar semester lima.

PENYATAAN MASALAH

1. Tidak banyak kajian dan pengalaman yang direkodkan bagi Ops Topo ini.
2. Masyarakat luar kurang terdedah dengan proses bagaimana sempadan negara dibuat.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

HIPOTESIS

1. Penyelidikan mengenai sejarah ukur sempadan negara ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pentingnya bertolak ansur dan berbincang dengan aman dalam setiap keputusan yang dibuat.
2. Hasil daripada penyelidikan ini, masyarakat akan didedahkan dengan keadaan dan suasana bagaimana proses membuat ukur sempadan dan betapa pentingnya sempadan buat negara.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

KAJIAN

LITERATUR

KAJIAN LITERATUR

LATAR BELAKANG ENCIK SAMSUDIN

Beliau telah dilahirkan pada enam Februari tahun 1959 di

. Ibunya bernama manakala ayah beliau ialah

Beliau mempunyai enam orang adik beradik tetapi dua daripadanya telah meninggal dunia. Nama panggilan beliau dalam keluarga ialah Din. Beliau merupakan anak jati Kelantan dan kemudiannya telah memasuki Pasukan Polis Malaysia pada enam belas Mac tahun 1980 ketika beliau dalam usia 21 tahun. Pada tahun 1980, beliau telah ditugaskan di Polis Hutan Cawangan Sungai Petani, Kedah dan telah menemui jodohnya di sana. Beliau telah mengenali isteri beliau setelah dikenalkan oleh salah seorang sahabat beliau semasa beliau berkhidmat di Kedah. Beliau telah mendirikan rumah tangganya dengan Puan Rosnah binti Yaakob pada 18 Mac 1983 dan dikurniakan tiga orang anak tetapi seorang telah meninggal dunia semasa kecil. Nama anak beliau yang masih hidup ialah Puan Nor Suziana dan Puan Anis Sabirin. Kedua-dua anaknya kini telah selamat mendirikan rumah tangga dengan pilihan hati masing-masing. Jadi, hanya beliau dan isteri yang tinggal di rumah kediaman mereka iaitu

. Kini beliau telah berusia 59 tahun. Beliau bersara pada tahun 2016 pada usianya 57 tahun. Beliau kini tidak mempunyai apa-apa pekerjaan tetap dan hanya meluangkan masa di rumah ditemani isterinya.

PENGALAMAN KETIKA OPERASI

Pada tahun 1984, Pasukan Polis Hutan Malaysia Cawangan Sungai Petani Bridget Utara Batalion Empat telah diberikan kepercayaan untuk memandu dan menjadi penunjuk arah kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Operasi ini telah diberi nama sebagai Ops Topo. Ops Topo ini adalah singkatan bagi Operasi Topografi. Operasi ini adalah untuk mengukur kembali batu sempadan yang telah diletakkan di sepanjang sempadan Malaysia dengan Negara Thailand. Menurut Encik Samsudin, kedudukan batu sempadan ini mungkin akan berubah dalam setiap 50 ke 100 tahun. Hal ini kerana bentuk muka bumi akan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

mengalami perubahan pada setiap tahun dan perbezaannya akan mula ketara pada tempoh tertentu. Bagi mengelakkan apa-apa yang hal yang berlaku, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah mengambil langkah untuk memeriksa batu sempadan tersebut dan akan mengubahnya setelah rundingan bersama Thailand dipersetujui.

Operasi ini adalah melibatkan dua buah negara iaitu negara Malaysia dan juga Thailand. Pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah menjadi wakil bagi negara Malaysia manakala Thai Border Polis Patrol pula wakil bagi Thailand. Mereka akan berurus secara langsung untuk membincangkan kedudukan batu sempadan yang mana kedua-dua pihak berpuas hati dan bersetuju dengan kedudukannya. Jika salah satu buah negara tidak bersetuju, mereka terpaksa berunding kembali sehinggalah keduanya bersepakat dengan kedudukan itu.

Ops Topo ini telah disertai oleh seramai 105 orang dan tiga orang jurutera. Tugas tiga orang jurutera itu adalah untuk mengesan bom yang telah dipasang oleh musuh dan juga perangkap samar. Jurutera ini akan menggunakan alatan khas untuk mengesannya sepanjang laluan mereka ke batu sempadan tersebut. Mereka memulakan dengan perjalanan mereka melalui Kuala Nerang kemudiannya Kulim dan keluar melalui Kruh Pengkalan Kubu. Perjalanan mereka mengambil masa berbulan-bulan kerana hampir melangkau beratus-ratus kilometer untuk sampai ke destinasi dan biasanya mereka akan menghabiskan masa selama tiga bulan di dalam hutan. Sebarang ubat-ubatan dan makanan akan diberikan secara catuan dengan dihantar masuk menggunakan helikopter pada setiap dua minggu. Maka demikian, mereka terpaksa berjimat dalam menggunakan ubatan dan makanan.

Sebelum Pasukan Polis Hutan Malaysia memandu arah bagi operasi ini, mereka perlu melalui latihan ulang kaji yang mana mereka perlu membuat latihan sekiranya bertemu dengan ‘booby trap’ atau bom mitre, mereka sudah tahu apa prosedur yang perlu mereka ikut untuk mengawal situasi tersebut. Mereka juga perlu mengulangkaji laluan pergerakan mereka agar tidak sesat atau melambatkan pergerakan mereka untuk sampai ke destinasi. Mereka juga perlu mengulangkaji cara-cara untuk membuat ‘booby trap’ untuk hal-hal kecemasan contohnya ketika mendapati apa-apa bahaya yang menunggu mereka. Dalam

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

masa yang sama, mereka juga perlu untuk mengetahui cara-cara iktiar hidup di dalam hutan.

Menurut Encik Samsudin, terdapat tiga bridget iaitu bridget Utara, bridget Tengah dengan bridget Tenggara. Bridget Utara adalah bagi pasukan polis hutan di daerah utara Malaysia iaitu Kedah, Perak dan Perlis. Di dalam bridget terdapat banyak batalion. Beliau merupakan salah seorang anggota bridget Utara Batalion empat. Semasa di dalam perjalanan tersebut, mereka terpaksa bermalam di dalam hutan. Mereka perlu membina tempat tidur menggunakan kayu-kayu di hutan dan mengerat kayu tersebut kepada bahagian yang kecil. Tempat tidur tersebut disebut sebagai 'hammock' oleh para polis hutan.

Segala urusan pengukuran dilakukan oleh pihak pemetaan dari kedua-dua belah pihak. Setelah kata sepakat daripada pihak Malaysia dan Thailand, maka batu tersebut dibina dan diletakkan di kedudukan yang telah dipersetujui. Batu tersebut perlu dibuat pada hari kejadian. Segala bahan untuk membuat batu tersebut perlu dibawa sepanjang proses tersebut. Di batu tersebut akan diukir dengan perkataan sempadan Malaysia-Thailand bagi memberi amaran dan peringatan kepada orang ramai bahawa ini adalah garis sempadan dua buah negara dan batu ini tidak sepatutnya diubah kedudukan tanpa kebenaran. Hal ini kerana mungkin dapat mencetuskan mencerobohan sempadan dari pihak lain.

Setelah dalam masa dua bulan dalam hutan dan segala urusan telah selesai, mereka akan bergerak pulang ke destinasi masing-masing. Pengukuran sempadan akan dipindah ke batalion lain untuk meneruskan urusan perletakan batu sempadan sepanjang Malaysia dan Thailand. Bermula dari Kedah dan seterusnya ke Perak dan Kelantan sehingga lah sempadan antara dua buah negara ini jelas dan masing-masing dilarang untuk menceroboh tanpa kebenaran dari negara berkenaan.

PERANAN ENCIK SAMSUDIN DI DALAM OPS TOPO

Di dalam operasi tersebut, Encik Samsudin diberi tugas sebagai 'wireless telegraphy' iaitu semboyan. Beliau akan sentiasa berhubung dengan pihak luar untuk memberi tanda jika apa-apa berlaku. Beliau perlu menggunakan alat hubungan khas yang menggunakan radar

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

dan signal radio. Sekiranya berlaku sesuatu yang menggugat keamanan dan memberi ancaman kepada mereka, beliau lah yang akan segera memaklumkan kepada pihak luar untuk meminta bantuan dan pertolongan. Sepanjang perjalanan, tiga orang jurutera terbabit akan sentiasa mengesan laluan sebelum yang lain melalui laluan tersebut sebagai langkah berjaga-jaga. Menurut beliau, alat perhubungan itu hampir mencecah tiga kilogram untuk sebuah alat itu. Encik Samsudin perlu mahir dalam menggunakan dan mahir dalam penggunaan 'Morse Code'. 'Morse Code' ini adalah kod yang diterima pakai secara antarabangsa. Bunyi kod ini lebih halus daripada bunyi hon motosikal. Sewaktu operasi ini dijalankan, tiada sebarang percakapan lisan sebagai medium perhubungan tetapi masing-masing menggunakan 'Morse Code' ini sebagai gantian kepada lisan agar pihak musuh tidak dapat mengesan dan mengetahui apa yang mereka sedang bincangkan dan supaya apa-apa rahsia tidak bocor ke pihak musuh.

PERISTIWA HITAM SEPANJANG OPERASI

Pada awal pagi sekitar pukul 10 pagi, sebuah kejadian yang tidak diingini telah berlaku. Tiga jurutera yang telah ditugaskan untuk mengesan bom yang dipasang sepanjang laluan telah maut ketika menjalankan tugasnya. Menurut Encik Samsudin, beliau tidak pasti mengapa tiga jurutera itu tidak dapat mengesan adanya bom di sekitar mereka. Setiap daripada mereka dilengkapi dengan alatan untuk mengesan bom yang dipasang tetapi pada hari kejadian berkemungkinan alatan mereka mengalami sedikit kerosakan dan oleh itu tidak dapat berfungsi dengan baik. Disebabkan hal itu, tiga jurutera terbabit tidak dapat mengesan kehadiran bom tersebut berhampiran dengan mereka sehingga mereka menjadi mangsa letupan bom tersebut. Letupan tersebut telah memecah kesunyian di dalam hutan tersebut.

Menurut Encik Samsudin, setelah dikenalpasti mangsa, mereka memandikan jenazah seperti biasa dan kemudian menunggu kehadiran helikopter untuk membawa jenazah ke kediaman masing-masing. Hal ini sama sekali tidak mematahkan semangat mereka untuk meneruskan perjalanan mereka untuk berbincang mengenai perletakan batu sempadan di sepanjang sempadan antara negara Malaysia dan Thailand. Kejadian ini sedikit sebanyak membuat mereka lebih berhati-hati dan lebih berjaga-jaga dalam setiap langkah dan pergerakan mereka bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang lagi.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kejayaan perletakan batu sempadan ini tidak akan terjadi sekiranya tiada unsur bertolak ansur antara kedua-dua belah pihak iaitu Malaysia dan juga Thailand. Kejadian ini telah mengajar kami tentang kesabaran dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan pentingnya berbincang agar tidak berlaku apa-apa salah faham dan makan hati sesama sendiri. Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya.

METODOLOGI

METODOLOGI

Beberapa metodologi yang telah kami gunakan sepanjang sesi menyiapkan transkrip ini.

Iaitu:

1. Melalui pertemuan di rumah kediaman Encik Samsudin di
2. Melalui perbualan telefon ke nombor telefon beliau di talian
3. Rujukan internet di laman blogspot <http://gojiforu.blogspot.com> dan
<http://ww1.utusan.com.my>

TRANSKRIP

TEMUBUAL

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK
SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA
MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND
PADA TAHUN 1984**

Berikut adalah rakaman temubual sejarah lisan mengenai pengalaman seorang tokoh yang telah melibatkan diri secara langsung dengan pengukuran batu sempadan Malaysia-Thailand pada tahun 1984, iaitu Encik Samsudin bin Abdullah. Sesi temubual ini telah dikendalikan oleh Nor Pasila binti Ismail (Pelajar 1) dan Siti Aisyah binti Che Di (Pelajar 2) di kediaman Encik Samsudin di

Pertemuan Pertama

Tarikh: 17 Mei 2018

Hari: Khamis

Tempat: Kediaman Encik Samsudin

Pelajar 1	Boleh encik ceritakan tentang latar belakang, nama penuh?
Encik Samsudin	Saya Samsudin Bin Abdullah
Pelajar 1	Panggilan dalam keluarga?
Encik Samsudin	Din
Pelajar 1	Ok, nama ibu dan ayah?
Encik Samsudin	Abdullah Bin Mahmood dan Hasmah Binti Harun
Pelajar 1	Bilangan adik-beradik?
Encik Samsudin	Adik-beradik enam orang, mati dua
Pelajar 1	Encik ni anak yang ke berapa?

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK
SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN
TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984**

Encik Samsudin	Anak yang pertama, sulung
Pelajar 1	Anak yang sulung. Bilakah berkahwin?
Encik Samsudin	Berkahwin lapan belas hari bulan tiga tahun lapan puluh tiga [18 Mac 1983]
Pelajar 1	Nama isteri?
Encik Samsudin	Rosnah Binti Yaakob
Pelajar 1	Anak ada berapa orang?
Encik Samsudin	Anak tiga orang, mati seorang
Pelajar 1	Nama [anak]?
Encik Samsudin	Nor Suziana Binti Samsudin dan Anis Sabirin
Pelajar 1	Semua dah berkahwin ke?
Encik Samsudin	Ya
Pelajar 1	Bagaimanakah encik mengenali isteri?
Encik Samsudin	Oh isteri ke? Tak kenal cuma orang kira ja
Pelajar 1	Kira daripada keluarga la
Encik Samsudin	Bukan-bukan, dari kawan
Pelajar 1	Ah kawan. Bilakah berhijrah ke Kedah?
Encik Samsudin	Tahun lapan puluh, Sembilan belas lapan puluh [1980]

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

ORAL DOCUMENTATION (IMR 604)

Pelajar 1	Yang berhijrah ke Kedah tu sebelum kahwin ke selepas kahwin?
Encik Samsudin	Setelah dapat kerja
Pelajar 1	Kalau ingat lagi bilakah mula memasuki Pasukan Polis Hutan ni? Tahun?
Encik Samsudin	Tahun sembilan belas, enam hari bulan tiga sembilan belas lapan puluh [6 Mac 1980]
Pelajar 1	Apakah yang membuatkan ayah memasuki Pasukan Polis Hutan ini?
Encik Samsudin	Bukan dikira membuatkan tu, perlu. 'Routation' dia, skuad dan bulan, berapa ratus orang yang diperlukan. Kekosongan polis hutan yang memerlukan untuk memasuki polis hutan tu
Pelajar 1	Bagaimanakah penerimaan keluarga terhadap penglibatan dalam Pasukan Polis Hutan ini?
Encik Samsudin	Tiada masalah apa, ok.
Pelajar 1	Latihan yang diberikan semasa menyertai Pasukan Polis Hutan?
Encik Samsudin	Tiga bulan
Pelajar 1	Latihan tu
Encik Samsudin	Tentang peperangan di hutan
Pelajar 1	Pada waktu tersebut apakah kelayakan untuk menyertai Pasukan Polis Hutan?
Encik Samsudin	Bukan Pasukan Polis Hutan, pasukan polis sahaja, cawangan-cawangan saja

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 1	Ok
Encik Samsudin	Dia cawangan la, SRP [Sijil Rendah Pelajaran]
Pelajar 1	SRP. Mengikut maklumat encik telah menyertai Ops Topo dan memainkan peranan sebagai 'Wireless Telegraphy', boleh bagitahu serba sedikit tugas 'Wireless Telegraphy' atau Semboyan? Sedikit la
Encik Samsudin	Semboyan ni perhubungan la. Alat perhubungan tu nak bergerak menghubungi mesti ada 'high frequency' atau 'radio set'. Tu lah
Pelajar 1	Pendidikan tu macam mana, latar belakang pendidikan?
Encik Samsudin	Macam mana tu?
Pelajar 1	Latar belakang pendidikan daripada mana, pernah sekolah dekat mana macam tu la
Encik Samsudin	Sekolah Menengah To'uban
Pelajar 1	Sekolah Menengah To'uban
Encik Samsudin	Pasir Mas
Pelajar 1	Pasir Mas. Rendah tu kan?
Encik Samsudin	Sekolah rendah sekolah kebangsaan To'uban lepas tu sekolah menengah tu
Pelajar 1	Lepas tu masuk join pasukan polis terus
Encik Samsudin	Tahun tujuh puluh sembilan training [latihan] di Pulapol, enam bulan. Lepas tu masuk polis hutan training lagi tiga bulan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 1	Memang nak minta dekat Kedah ke ataupun memang dia dah tetapkan?
Encik Samsudin	Kena [dapat] dekat Kedah bukan minta
Pelajar 1	Oh wajibkan dekat Kedah la
Encik Samsudin	Pertukaran keluar tu PPH Batalion Keempat Sungai Petani
Pelajar 1	Itu saja sekarang, kalau ada apa-apa lagi kami tanya lagi encik. Terima kasih
Encik Samsudin	Ok kembali

Perbualan menerusi telefon

Tarikh: 21 Mei 2018

Hari: Isnin

Pelajar 1	Okay. Kiranya ayah jawab ja la ore [orang] tanya gitu-gitu [serba sedikit] ja la, ringkas- ringkas ja la. Mula-mula ayah perkenalkan diri ayah dulu.
Encik Samsudin	Saya Samsudin bin Abdullah. RF 82029
Pelajar 1	Saya Nor Pasila binti Ismail
Pelajar 2	Saya Siti Aisyah binti Che Di
Pelajar 1	Kami daripada Fakulti Pengurusan Maklumat ingin membuat menemubual encik untuk kos, Subjek 'Oral Documentation'.
Pelajar 2	Sepanjang pakcik menjadi Polis Hutan, apa operasi yang pernah pakcik melibatkan diri?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Encik Samsudin	Operasi yang melibatkan diri Ops Pagar, Ops Topo, yang tu je la. Ops Pagar dan Ops Topo dan Ops Bamboo
Pelajar 2	Kalau untuk Ops Topo tu, pakcik sebagai pegang peranan sebagai apa?
Encik Samsudin	Aaa [berfikir] Wireless Operator
Pelajar 2	Boleh pakcik ceritakan serba sedikit tentang operasi tu?
Encik Samsudin	Operasi tu untuk mengukur sempadan, sempadan antara Malaysia – Thailand yang mencari batu-batu sempadan. Sebab apa dia lebih kurang dalam lima puluh tahun atau seratus tahun, perubahan muka bumi berlaku. Bererti batu sempadan lari la.
Pelajar 1	Sebelum pergi, apakah persediaan yang perlu dilakukan?
Encik Samsudin	Persediaan? Oh tak ada apa. Cuma lesen-lesen semua la. Lesen apa semua. Tu ja.
Pelajar 1	Okay- okay. Mengenai operasi tu, ada latihan yang perlu tak nak buat, maksudnya nak pi operasi?
Encik Samsudin	Latihan ulangkaji, latihan ulangkaji.
Pelajar 1	Okay
Encik Samsudin	Latihan ulangkaji untuk masa pergerakan, masa 'booby trap' [perangkap samar]
Pelajar 1	Okay
Encik Samsudin	Yang itu lah. Cara-cara buat, bina 'booby trap', mitre tu macam mana, apa semua kan. Haa. Macam tu.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 2	Kalau kat dalam hutan tu kan, kan kat dalam hutan, kan kat situ duduk dalam berapa bulan kat dalam hutan tu kan?
Encik Samsudin	Hmm hmm [Setuju]. Biasanya dalam hutan ni, kalau Ops Topo ni dia masuk dua bulan. Pasal pergerakan dengan helikopter.
Pelajar 2	Contoh, malam tu pasang khemah la kat situ? Kawasan tu?
Encik Samsudin	Dak-dak [Tidak]. Bila masuk tempat tu, masuk satu-satu tempat tu [Talian terputus] Helo?
Pelajar 1	Helo haa [Ya]. Ya- ya ayah
Encik Samsudin	Haa okay
Pelajar 1	Okay. Seterusnya,
Pelajar 2	Yang tadi tu, dua bulan duduk dekat hutan kena naik helikopter. Jadi malam-malam tu memang pasang khemah kawasan tu la?
Encik Samsudin	Haa haa [Setuju] khemah la khemah.
Pelajar 2	Khemah tu pakai pasukan yang pemetaan tu la yang bawa? Ka pasukan polis hutan?
Encik Samsudin	Pasukan kita sendiri. 'On the man'.
Pelajar 2	Okay- okay
Encik Samsudin	Hmm-hmmm [mengingati kembali] 'On the Man' yang bawa tu. Sebab pasal apa, pasukan polis hutan dia bekal dengan khemah 'hammock' [buaian rajut]. Apa semua "hammock", kontor. 'Hammock' tu tempat tidur la macam katil la. Kita pakai kayu la. Kita ambil kayu dalam hutan tu kerat-kerat bagi pendek.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 2	Buat sendiri kat situ?
Encik Samsudin	Haa [setuju]
Pelajar 1	Bolehkah kami nak minta kebenaran nak buat temubual untuk kali seterusnya?
Encik Samsudin	Okay- okay
Pelajar 1	Nak mintak kebenaran untuk temubual seterusnya
Encik Samsudin	Okay- okay
Pelajar 1	Boleh- boleh?
Encik Samsudin	Haa. Boleh.
Pelajar 1	Terima kasih sebab bagi kerjasama untuk menyelesaikan 'assignment' [tugasan] ni. Bagi maklumat, bagi gambar, bagi info dengan jelas, bagi teliti supaya kami dapat siapkan 'assignment' Oral Documentasi ni.
Encik Samsudin	Yang tu ja nak tanya?
	Haa [setuju]. Tu ja.
Encik Samsudin	Okay
Pertemuan Kedua	
Tarikh: 24 Mei 2018	
Hari: Khamis	
Tempat: Kediaman Encik Samsudin	
Pelajar 1	Tengah sertai kan, pastu wat pa kenapa ops tu diberikan nama Ops Topo?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Encik Samsudin	Topo tuk buat Topo ni nak kata apa nama ukur sempadan. Topo tu pemetaan. Pemetaan sempadan. Penandaan balik sempadan tu. Penandaan sempadan la.
Pelajar 1	Haaa [berfikir] bila berlakunya ayah serta Ops Topo ni pada tahun berapa? Kalau ayah ingat la dekat-dekat la. Dalam tahun berapa?
Encik Samsudin	Lapan puluh lima [Tahun 1985]
	Lokasi dia kat mana?
Encik Samsudin	Lokasi masuk daripada Kuala Nerang. Masuk daripada Kuala Nerang. Dalam masa dua bulan tu, jalan kaki la. Masuk daripada Kuala Nerang. 'Border' [sempadan] la tu. 'Border'. Sempadan Malaysia-Thai [Thailand]. Terus keluar Kruh, Pengkalan Kubu.
Pelajar 1	Pastu dalam Ops Topo ni membabitkan Negara Malaysia? Thailand?
Encik Samsudin	Dengan Thailand
	Masa Ops Topo ni, peranan ayah sebagai apa?
Encik Samsudin	'Wireless telegraphy'
Pelajar 1	Dia punya macam?
Encik Samsudin	Semboyan Semboyan la semboyan.
Pelajar 1	Haa [faham] Pastu, boleh dak ayah cita serba sedikit tentang ops ni?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Encik Samsudin	Ops tu lagu tu la dia. Dia ukur sempadan. Dia tanda batu sempadan tu antara Malaysia dengan Thailand tu. Bahagian Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dengan Thailand ni. Bila dia masuk- masuk tu dia, dia akan buat batu sempadan. Dia berbincang makna kata tanda- tanda pastu dia balik dia mesyuarat. Dia setuju dak [hendak] tanda macam ni. Siam tak setuju dia mesyuarat- mesyuarat sampai setuju. Sampai kata setuju baru lulus. Batu sempadan.
Pelajar 1	Ada masa Ops Topo ni ada berlaku pertumpahan darah ke?
Encik Samsudin	Ada. Ada kena apa Rejimen Satu [berfikir]. Tiga jurutera kut. Tiga jurutera. Dia masa kami buat kerja ni, dia 'join' [sertai] sekali dengan army [tentera] lebih kurang dalam tiga orang. Untuk kesan bom mitre. Bom. Kesan bom. Hmm [Berfikir] dia, tiga orang tu. Pagi la pagi. Masa lebih kurang pukul sepuluh pagi kut. 'Duty' [Masa] rehat tu. Dia kena.
Pelajar 1	Pastu Ops Topo ni apakah kesan dekat ayah?
Encik Samsudin	Oh. Takdak kesan apa. Boleh jadi sulit pergerakan tu. Jauh satu masalah nya bahaya lah. Pastu semua pergerakan makanan masuk tu dengan heli [helikopter] la. Pergerakan apa hantar makanan tu 'ration' [catuan] semua dengan helikopter la.
Pelajar 1	Pastu apakah iktibar yang boleh diambil daripada operasi ni? Pengajaran dia?
Encik Samsudin	Pengajaran. Pengajaran tu hahaha [ketawa]. Tak dak [Tiada apa-apa] apa pengajaran tu. Pasal la ni gak [juga] komunis-komunis ada 'surrender' [menyerah]. Perjanjian letak senjata sembilan belas lapan puluh sembilan. Tahun sembilan belas lapan puluh sembilan tu, komunis ada perjanjian bukan perjanjian damai untuk letak senjata. Bukan dia serah diri tau.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

	Ada apa lagi?
Pelajar 1	Dalam Ops Topo ni berapa yang terlibat?
Encik Samsudin	Anggota? Lebih kurang dalam seratus lima orang. Tidak termasuk skuad 'army' askar dia jurutera daripada Taiping tiga orang tu. Unit pengesan bom mitre tu. Lebih kurang seratus lima orang la. Satu kampeni satu kampeni
Pelajar 1	Yang ayah oyak [cakap] seratus lima orang tu daripada?
Encik Samsudin	A Kammi Batalion Empat PPH Sungai Petani. Pasukan Polis Hutan. A kampeni. A kuer Batalion ke Empat, Pasukan Polis Hutan Sungai Petani Kedah.
Pelajar 1	Yang ayah ada dak sijil-sijil ka bukti-bukti masa ayah jadi polis?
Encik Samsudin	Oh, sijil. Tak dak [tiada].
Pelajar 1	Takdak [tiada] la?
Encik Samsudin	Lama tak simpan dah sijil tu mugo [sudah]. Dok tak dak apa [sudah tiada apa] dok lama berhenti. Ada ada sijil dak [bertanya kepada isteri beliau]?
Pelajar 1	Gambar- gambar ka ikut la. Semasa ayah sertai aktiviti ikut la aktiviti apa-apa ka semasa ayah kat polis tu.
Isteri Encik Samsudin	Ayah hang [kamu] tak dak [tiada] aktiviti apa
Encik Samsudin	Tak dak [tiada].
Isteri Encik Samsudin	Tak dak [tiada]. Dok tak ingat

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 1	Gambar- gambar. Icut la. Sebelum pencerka, ikut la gambar aktiviti tak termasuk dalam operasi ni pun tak pa gambar dekat ayah dalam polis lagi ka.
Encik Samsudin	Dok, tak dak dah. Cuba tengok. Tak ingat
Pelajar 1	Ni ayah, sain ore nak tanya
Encik Samsudin	Ya?
Pelajar 1	Sain ore nak tanya. Dia nak tanya.
Pelajar 2	Pasal batu yang peletakan batu untuk ukur tanah tu kan, eh tanah?
Encik Samsudin	Macam mana?
Pelajar 2	Yang batu sempadan tu kan nak letakkan batu sempadan tu, kan kena apa berurus dengan Thailand kan?
Encik Samsudin	Haa haa [mengingati sesuatu]. Masa nak letak batu sempadan kita nak letak tu kita kena, dia kena dengan Thailand la. Sebab tu kita buat ukur batu sempadan ni Malaysia dangan Thailand. Terlibat dengan Thai Border Polis Patrol. Kita punya PPH Malaysia, PPH, Pasukan Polis Hutan tu pastu Thai punya Thai Border Polis Patrol. Boleh dapat?
Pelajar 2	Kenangan pahit yang pakcik yang alami sepanjang Ops Topo ni apa dia?
Encik Samsudin	Kenangan pahit tu masa masa yang kena apa yang askar kena bom tu. Bom mitre. Yang skuad tiga jurutera tu. Tu ja. Masa dia kena tu waktu lebih kurang sepuluh pagi ni.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 2	Waktu tengah nak perletakan batu tu la?
Encik Samsudin	Dak dak [bukan]. Masa dia nak kesan tu. Kesan laluan.
	Sepanjang kesan tu, depa [mereka] yang kena?
Encik Samsudin	Hmm [ya]. Dia 'detect', dia 'detect' [mengesan] macam mana silap tak tau [tunduk ke bawah]
Pelajar 2	Dia guna apa 'detect' tu?
Encik Samsudin	Haa?
Pelajar 2	Dia ada alat dia la guna?
Encik Samsudin	Haa haa. 'Main detector' [alat pengesan utama]. Dia ada satu alat dia tu. Dia panjang. Dia 'detect' [mengesan] macam tu. Lepas tu dia kena.
Pelajar 1	Haa ayah, Ops Topo ni tempoh dia berapa berapa lama?
Encik Samsudin	Oh lama. Situ lama. Daripada tahun sembilan belas tujuh puluh [1970] lebih kurang tahun tujuh puluh lima [1975] pengukuran sempadan semula sampai pada tahun sembilan belas sembilan puluh dua [1992]. Lebih kurang la. Lebih kurang. Tapi selepas komunis letak senjata, ancaman tu tak dak la. Ancaman tu tak dak dah.
Pelajar 1	Haa ayah kenapa operasi ni ambil masa yang lama sangat?
Encik Samsudin	Sebab jauh. Daripada Kulim ni, daripada Kulim masuk Kedah-Perak beribu-ribu kilometer jugak la. Ratus-ratus kilometer bukan ribu. Kira ratus kilometer jugak la. Pastu makan masa lama pulak pergerakan. Masalah lagu tu [macam tu] la. Pasal

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

	pergerakan payah. Perjalanan tu payah. Jabatan Ukur dan Pemetaan tau. Kita sekali dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan. Baru ingat.
Pelajar 2	Yang pasal batu tu kan, kalau tak setuju, kena bincang balik la?
Encik Samsudin	Haa kena mesyuarat balik dengan bahagian pemetaan Thailand tu.
Pelajar 2	Ooo. Sampai dua-dua setuju baru boleh ni?
Encik Samsudin	Haa baru boleh letak batu tu. Batu tu pun dia nak letak pun bukan batu siap-siap dah. Dia angkut dengan simen, konkrit apa semua. Dia bawak dalam guni. Baru pi [pergi] buat sana bentuk batu tu.
Pelajar 2	Kiranya buat waktu kat situ la buat?
Encik Samsudin	Hmm hmm [setuju]
Pelajar 2	Pakcik, yang polis hutan ni kan, kiranya ada banyak batalion la kan?
Encik Samsudin	Haa, batalion banyak
Pelajar 2	Kenapa batalion empat yang kena?
Encik Samsudin	Dak-dak [tidak]. dia gilir-gilir
	Ooo, depa [mereka] gilir-gilir
Encik Samsudin	Dia daripada satu bridget Utara, bridget Tengah dengan bridget Tenggara. Depa [mereka] bridget-bridget ni dia ada batalion-

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

	batalion la. Dia ada tiga bridget Utara, bridget Tenggara dengan Tengah. Di bawah bridget-bridget ni dia ada batalion-batalion tu.
Pelajar 2	Pakcik duduk yang bridget yang?
Encik Samsudin	Bridget bridget, bridget Utara. Batalion Empat
Pelajar 1	[membuka helaian kertas] Aa kena tandatangan ayah [Encik Samsudin] [diam seketika] [bunyi televisyen] dan [kipas] sebab 'lecturer' [pensyarah] nak tengok sama ada datang ke tak dan surat ini akan diberikan kepada 'lecturer' [pensyarah] balik untuk dapatkan pengesahan dan tandatangan bagi menentukan kehadiran kami ke sini.
Encik Samsudin	Oo, aa, Ada nak ambik no IC ke? Snap [tangkap] no IC
Pelajar 1 dan Pelajar 2	Aa, boleh [helaian kertas]
Encik Samsudin	Aughh [batuk] 'Snap' [tangkap] depan belakang
Pelajar 1 dan Pelajar 2	Aaa [Ambik gambar]
Encik Samsudin	Aaa. Dah ke? Ambik [terang] jelas RF 82029, yang tu [itu] menandakan anggota polis tu. Dapat? Ni eh [yang ini] [menunjukkan IC] yang ni [ini] nombor IC baru dan nombor IC lama, ni nombor polis RF tu, ada tak RF tu, ada tak nampak tak? Aaa yang tu.
Pelajar 1 dan Pelajar 2	Aaa [bunyi kertas] [tekan phone]
Encik Samsudin	Yang masuk bertempur pun ada

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PESARA POLIS HUTAN SUNGAI PETANI, ENCIK SAMSUDIN BIN ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENJALANKAN TUGAS DALAM OPS TOPO DI SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA TAHUN 1984

Pelajar 1 dan Pelajar 2	Ohh, [telefon] Suasana ditemani [televisyen] [telephone] dan [motorsikal]
Pelajar 1 dan Pelajar 2	[berbincang]
Pelajar 1	Siapa yang mengetuai operasi ini?
Encik Samsudin	Operasi ini kita bahagian keselamatan yang mengetuai operasi bersama dengan jabatan pemetaan [berfikir sejenak] jabatan pemetaan dan topografi negara, jabatan ukur la tu.
Pelajar 1	Macam yang ayah bagi tahu kan peranan ayah sebagai 'wireless telegraphy' iaitu semboyan kan, semboyan tu apa?
Encik Samsudin	Semboyan tu macam penghubung, sekarang telefon. Dulu semboyan ni pakai, macam set 'telegraphy', lebih kurang dalam tiga kilo setengah berat, dia punya [semboyan] radio set.
Pelajar 2	Nak hubung orang dalam dekat luar la
Encik Samsudin	Aaa, untuk hubung dekat luar, perhubungan tu
Pelajar 2	Berkenaan dengan tiga jurutera tadi tu kan, kan kena bom, mayat tu bawa ke...
